

Tohmahan Malaysia pincang pemimpin ASEAN tidak berasas, berat sebelah

• Tuduhan kononnya kepemimpinan Malaysia dalam ASEAN terlalu berpusat kepada Anwar adalah tidak tepat dan mengabaikan visi luas diperjuangkan Malaysia dalam ASEAN

• Rekod cemerlang Malaysia dalam memperjuangkan integrasi ASEAN, kerjasama ekonomi dan keselamatan serantau adalah bukti kukuh kepimpinan Anwar jauh melangkaui keperibadiannya



Oleh Prof Dr Rendi Omar
bhrencana@bh.com.my

Kepengerusan ASEAN Malaysia 2025 mula berdepan kritikan antarabangsa apabila ada pemerhati luar mempersoal kewibawaan kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Terbaharu, kritikan Dr Bridget Welsh pada akhir Januari lalu terhadap Malaysia dan Anwar menerusi tulisannya di sebuah portal dan disiarkan di akhbar di negara jiran disifatkan sebagai tidak berasas, mengelirukan dan gagal mengiktiraf pendekatan strategik Kuala Lumpur memperkukuh blok ASEAN.

Hujahan Welsh, Penyelidik Bersekutu University of Nottingham Asia Research Institute Malaysia (UoN-RI-M), bukan sahaja lemah dari segi fakta, tetapi

kelihatan didorong sikap berat sebelahnya terhadap Perdana Menteri.

Tuduhan kononnya kepemimpinan Malaysia dalam ASEAN terlalu berpusat kepada Anwar adalah tidak tepat dan mengabaikan visi luas diperjuangkan Malaysia dalam ASEAN.

Malaysia secara konsisten menekankan perpaduan dan keutamaan ASEAN dalam memastikan kestabilan serantau serta kemakmuran ekonomi. Kepimpinan Anwar bukan satu kelemahan, tetapi kelebihan tidak ternilai.

Pengalaman diplomatiknya yang luas serta pengaruhnya pada peringkat serantau, menjadikan beliau seorang negarawan yang mampu memperkukuhkan ASEAN pada peringkat global.

Pelantikan bekas Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra sebagai anggota kumpulan penasihat tidak formal kepada Anwar misalnya, adalah langkah strategik untuk memanfaatkan pengalaman pemimpin serantau membimbing pertumbuhan ASEAN.

Langkah ini bukan berdasarkan keutamaan peribadi, tetapi satu usaha berkesan meningkatkan keberkesanan diplomasi ASEAN. Tambahan pula, Thaksin adalah antara seorang daripada beberapa tokoh berpengalaman dilantik membantu pembangunan ASEAN.

Selain itu, rekod cemerlang Malaysia dalam memperjuangkan integrasi ASEAN, kerjasama ekonomi dan keselamatan serantau adalah bukti kukuh kepimpinan Anwar jauh melangkaui keperibadiannya.

Kepimpinan Malaysia adalah memperkukuhkan ASEAN, bukan menjadikannya platform peribadi. Dakwaan Welsh bahawa Malaysia tidak mempunyai pelan hala tuju jelas tidak masuk akal, terutama apabila agenda strategik Malaysia diperincikan dengan jelas ketika Mesyuarat Menteri Luar

ASEAN (AMM) Retreat pada 19 Januari lalu.

Perbincangan komprehensif itu mengesahkan keutamaan Malaysia, termasuk keselamatan serantau, integrasi ekonomi dan usaha kemanusiaan.

Tema Kepengerusan Malaysia, 'Keterangkuman dan Kemampuhan' amat penting bagi menangani isu mendesak seperti perlindungan alam sekitar, kerjasama tenaga boleh diperbaharui dan keselamatan makanan. Selain itu, Malaysia memainkan peranan utama memajukan langkah kelestarian iklim menerusi Pusat Perubahan Iklim ASEAN.

Welsh jelas tidak memahami apa yang sebenarnya berlaku dalam AMM Retreat, yang mana Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hassan menjelaskan secara terperinci Keutamaan Kepengerusan ASEAN Malaysia 2025:

• Memperkukuhkan Keutamaan ASEAN

Malaysia berusaha mempromosikan kepercayaan strategik antara negara menerusi dialog berterusan, diplomasi dan hubungan baik. Malaysia juga berhasrat memperluaskan kerjasama ASEAN dengan pihak luar, membina satu orde serantau pragmatik dan inklusif.

• Meningkatkan Perdagangan dan Pelaburan Intra-ASEAN

Malaysia komited memperkukuhkan integrasi ekonomi serantau. Persidangan ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC) dan Sidang Kemuncak ASEAN-China yang bakal berlangsung di Kuala Lumpur tahun ini adalah bukti komitmen ini. Malaysia juga akan memastikan ASEAN dapat memanfaatkan kemajuan dalam sains, teknologi dan inovasi.

• Keterangkuman dan Kemampuhan

Tema utama Kepengerusan Malaysia menekankan usaha merapatkan jurang pembangunan, meningkatkan taraf hidup serta menangani kesan perubahan iklim bagi mencapai pembangunan dan kemakmuran saksama.

Kemudahan analisis Welsh

Mohamad juga menjelaskan, keutamaan ini akan dilaksanakan semua tonggak Komuniti ASEAN dan badan sektor berkaitan. Malaysia juga akan mengeluarkan Deklarasi Kuala Lumpur mengenai Visi Komuniti ASEAN 2045 dan menjadikannya sebagai agenda daripada sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 di Kuala Lumpur pada Mei ini.

Oleh itu, dakwaan Welsh yang Malaysia tidak mempunyai hala tuju kepemimpinan ASEAN bukan sahaja tidak tepat, tetapi juga menunjukkan kelemahan dalam analisisnya.

Sarban Welsh kononnya pendekapan Malaysia terhadap Myanmar tidak mencukupi, mendedahkan lagi pemahaman yang cetek terhadap mekanisme diplomasi ASEAN. Malaysia kekal komited terhadap Konsensus Lima Perkara ASEAN sambil menggalakkan pendekatan lebih inklusif melibatkan pelbagai pihak berkepentingan.

Mohamad menegaskan Malaysia bersedia meng-

gunakan semua saluran diplomasi tersedia, termasuk Mekanisme Troika dalam menangani krisis Myanmar.

Malaysia juga menyokong peningkatan bantuan kemanusiaan tanpa diskriminasi serta bekerjasama rapat dengan negara ASEAN dan rakan dialog bagi mencari penyelesaian kolektif.

Dakwaan ASEAN gagal menangani jenayah rentas sempadan gagal mengambil kira usaha proaktif Malaysia dalam memerangi perdagangan manusia, penipuan siber dan aktiviti kewangan haram.

Malaysia juga berada di barisan hadapan dalam memperkukuhkan mekanisme perkongsian risikan dan kerjasama penguatkuasaan undang-undang untuk membanteras rangkaian jenayah serantau. Hukuman lebih berat terhadap sindiket jenayah siber dan perdagangan manusia juga diperkenalkan.

Tambahan pula, Malaysia bekerjasama rapat dengan negara ASEAN bagi menangani perjudian dalam talian menyalahi undang-undang dan penipuan kewangan.

Sejarah kritikan Welsh berterusan terhadap Anwar menimbulkan persoalan serius matlamat beliau. Kritikan terbaharunya terhadap kepemimpinan Malaysia dalam ASEAN bukan kes terpencil, tetapi sebahagian daripada corak lama serangan peribadi terhadap Anwar.

Pada November lalu, Welsh turut mengkritik Kerajaan Perpaduan dengan membuat dakwaan tidak berasas ia tidak stabil, mengamalkan Islamisasi konservatif dan menjadi apa yang dipanggil sebagai 'kartel MADANI' yang lebih mengutamakan penguatkuasaan kuasa berbanding reformasi. Dakwaan tidak berasas ini ditolak secara meluas sebagai cetek dan mengelirukan.

Berdasarkan rekod ini, wajar untuk menyimpulkan serangan terbaharu Welsh terhadap Malaysia lebih didorong oleh pilih kasih berbanding analisis objektif terhadap kepemimpinan Malaysia.

Kritikan secara berpih beliau terhadap Malaysia mencerminkan satu naratif bermotif agenda dan bukannya penilaian adil serta seimbang.

Kritikan terhadap Kepengerusan ASEAN Malaysia 2025 bukan sahaja mengandungi kelemahan, bahkan tidak berasas dan dipenuhi dengan pilih kasih. Malaysia sedang menepuhi dengan pemimpin strategik yang kukuh, keutamaan jelas serta dasar ekonomi dan keselamatan proaktif. Malaysia juga mengambil tindakan tegas menangani jenayah rentas sempadan serta mengamalkan pendekatan seimbang dalam menyelesaikan krisis Myanmar.

Sudah tiba masanya bagi pengkritik seperti Welsh menghentian naratif berunsur prejudis dan mengukuhkan kemajuan negara sedar Malaysia dalam mengemudi ASEAN ke arah masa depan lebih cerah.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH